

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI 1434 HIJRAH
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI JUMAAT, 6 SEPTEMBER 2012, PUKUL 10:00 PAGI
DI DATARAN CANSELERI, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara pengacara majlis;

Yang Berhormat Dato' Abdul Manan Ismail,

Ahli Parlimen Paya Besar;

Yang Hormat Dato' Mohd. Hilmey Mohd Taib,

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang

dan Yang Berbahagia Datin;

Yang Berhormat Encik Mohd Shohaimi Jusoh,

Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Lepar;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

Yang Hormat Dato'-dato' dan Yang Berbahagia Datin-datin;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Shamsuddin Baharin,

Penolong Naib Canselor

(Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti);

Haji Mustafa Ibrahim,

Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,

Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,

Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Para tetamu jemputan, wakil media dan mahasiswa;

Hadirin yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam1Malaysia dan *Eid Mubarak*.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, suka saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita dapat sama-sama memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 1434 Hijrah Peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini.

3. Bagi pihak pengurusan UMP, saya ingin mengucapkan Selamat Datang kepada semua tetamu jemputan, warga kerja dan mahasiswa UMP ke majlis ini. Walaupun dalam suasana serba sederhana, Insya-Allah, majlis pada hari ini akan tetap ceria dan meriah dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
4. Sambutan pada hari ini juga merupakan pernyataan kesyukuran kita terhadap pelbagai kejayaan yang telah dikecapi sepanjang setahun yang lalu. Majlis ini turut meraikan kehadiran lebih 1,900 orang mahasiswa baharu UMP yang baharu sahaja selesai melafazkan ikrar mereka sebentar tadi.
5. Dengan keceriaan dan kesyukuran tersebut, majlis pada pagi ini merupakan medan untuk menjalin mahabbah dan menyemarak ukhuwwah bukan sahaja dalam kalangan warga UMP tetapi juga bersama komuniti sekitar, para pelanggan dan pihak berkepentingan Universiti ini.
6. Justeru kepada hadirin dan tetamu sekalian, nikmatilah kemesraan layanan kami dengan hidangan yang serba sederhana dalam majlis ini sebagai tanda penghargaan UMP terhadap sokongan yang diberikan selama ini.

KATA PENUTUP

7. Tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih para dif kehormat kita atas kesudian mereka meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan sambutan ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan khidmat dan sumbangan bagi menjayakan sambutan ini.

8. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus merahmati kita, Universiti ini dan negara Malaysia yang tercinta dengan limpahan keberkatan, kesejahteraan dan kemakmuran pada setiap masa. Akhir kata, diucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir dan Batin.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.